

# Pendekatan lebih berkesan diaju

## Mahathir yakin keupayaan ahli2

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

NEW DELHI, Rabu — Pergerakan Negara-Negara Berkecuali boleh memainkan peranan berkesan bagi memenuhi kehendak negara-negara membangun kerana ia mewakili dua pertiga dari keahlian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat, 101 keanggotaan Pergerakan Negara Berkecuali boleh menjadi kumpulan terkuat di Bangsa-Bangsa Bersatu dan kekuatan ini boleh digunakan ketika membincang isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan pergerakan.

"Bagaimanapun, kita tidak mengharapkan apa yang dibincang dalam sidang kemuncak di New Delhi mencapai persamaan pendapat kerana keahliannya terdiri dari pelbagai orientasi politik.

"Setiap ahli melihat sesuatu perkara dari sudutnya sendiri dan kita tidak mengharapkan sokongan seratus peratus dalam sesuatu isu," ujarnya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir yakin sidang kemuncak ini boleh menjadi forum bagi mengutarakan pandangan-pandangan dengan harapan mencari sokongan untuk forum-forum lain seperti di PBB.

### Keputusan

"Sebagai forum yang baik, mestilah ada persetujuan-persetujuan dalam bidang-bidang tertentu bagi mengesahkan (justify) kewujudan pergerakan ini," tambah beliau.

Mengenai isu Kampuchea, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mengharapkan

Dari NAZRI  
ABDULLAH

satu keputusan sebulat suara kerana kedudukan kerusi Kampuchea dilihat dari sudut berlainan oleh negara-negara anggota.

Keputusan mengosongkan kerusi Kampuchea tidak diterima oleh semua. Walaupun kita bersetuju tidak akan menimbulkan isu itu dalam sidang ketua negeri tetapi Asean berjaya menjadikan isu Kampuchea sebagai isu utama untuk perbahasan masa depan," tegas beliau.

Selama dua hari Perdana Menteri berada di New Delhi, beliau sempat menemui beberapa pemimpin dunia bagi bertukar-tukar fikiran untuk faedah bersama.

Selain dari Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi, Datuk Seri Dr. Mahathir juga sempat menemui Presiden Mesir, Enkik Hosni Mubarak, Menteri Luar Mali, Enkik Alloune Blondinbeye, Timbalan Presiden Libya, Mejar Jalloud dan Presiden Zia Ul-Haq dari Pakistan.